



KENYATAAN MEDIA

YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

PELARASAN TARIF AIR SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

1hb Ogos 2025

Kerajaan Negeri Selangor telah dimaklumkan bahawa Jemaah Menteri telah meluluskan pelarasan tarif air baharu Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan susulan permohonan yang dikemukakan oleh negeri-negeri atas keperluan mengukuhkan perkhidmatan air terawat kepada rakyat dan industri.

Proses pelaksanaan ini diketuai oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) di peringkat Persekutuan selaku agensi kawal selia, manakala Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), selaku penyedia perkhidmatan bekalan air terbesar di Malaysia yang menyalurkan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya akan melaksanakan proses ini yang meliputi 9.62 juta melibatkan 2,777,774 akaun termasuk pengguna domestik serta komersial.

Antara dasar baharu yang ditetapkan oleh SPAN adalah pengenaan caj kepada industri pusat data yang memerlukan kuantiti air yang tinggi.

Berdasarkan kadar caj yang ditetapkan oleh SPAN, berikut adalah pelarasan tarif air di negeri Selangor.

1.0 Kategori Domestik

Pertama, caj bagi pengguna domestik di rumah-rumah yang menggunakan sehingga 20 meter padu sebulan **akan kekal dengan kadar sedia ada RM0.65/setiap meter padu.**

Ini bermaksud **tiada peningkatan** kerana kadar ini telahpun diselaraskan pada bulan Februari 2024. **Caj minimum RM6.50 turut kekal** bagi pengguna domestik.



KENYATAAN MEDIA

YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

1.1 Penggunaan Air 20 meter padu hingga 35 meter padu

Kadar baharu bagi rumah-rumah yang menggunakan 20 meter padu hingga 35 meter padu akan beralih sebanyak RM0.30/meter padu kepada RM1.62, iaitu bagi penggunaan sehingga 35 meter padu sebulan.

1.2 Penggunaan Air Lebih 35 meter padu

Bagi rumah-rumah yang menggunakan lebih daripada 35 meter padu sebulan, bersamaan dengan 35,000 liter, kadar caj baharu akan berubah sebanyak RM0.88/meter padu kepada RM3.51 bagi setiap meter padu melebihi 35/m³. Ini bagi menggalakkan penggunaan air yang lebih optimum dan berhemah.

1.3 Kondominium, Kuarters Estet, dan Kuarters Kerajaan

Untuk kategori kondominium, Kuarters Estet, dan Kuarters Kerajaan, caj baharu akan beralih sebanyak RM0.41/meter padu kepada RM2.09 bagi penggunaan setiap meter padu air.

Bagi kondominium, **caj minimum secara pukal akan kekal dengan kadar sebelum ini**, iaitu RM173/sebulan, manakala caj minimum baharu bulanan bagi Kuarters Estet dan Kuarters Kerajaan akan beralih kepada RM20.90 sebulan.

1.4 Rumah Kos Rendah

Bagi mengurangkan impak kos sara hidup kepada rakyat yang menetap di rumah kos rendah, kadar baharu akan melihat peralihan terendah berbanding semua subkategori domestik, iaitu sebanyak RM0.10/meter padu kepada RM1.18/meter padu.



KENYATAAN MEDIA

YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

2.0 Kategori Bukan Domestik & Kategori Khas

2.1 Bukan Domestik

Kerajaan juga komited untuk mencapai keseimbangan di antara penyelarasan kadar caj air bagi perusahaan komersial yang tidak terlalu membebankan agar kos operasi tidak meningkat dengan begitu mendadak.

Oleh yang demikian, ruang komersial serta bangunan bukan domestik akan melihat peralihan kadar caj pada kadar yang sama dengan pengguna domestik melebihi 35/meter padu, iaitu RM3.51/meter padu, peningkatan sebanyak RM0.57 bagi setiap meter padu.

Penggunaan melebihi 35 meter padu pula akan ditetapkan caj sebanyak RM3.83/setiap meter padu melebihi 35 meter padu.

2.2 Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan

Bagi rumah-rumah ibadat serta institusi kebajikan yang sah dan berdaftar, kategori ini masih menikmati kadar caj air paling rendah dengan peningkatan RM0.10/meter padu kepada RM0.76/meter padu agar operasi rumah ibadat serta institusi kebajikan tidak terkesan secara keterlaluan.

2.3 Perkapalan

Dengan mengambil kira penggunaan air yang meningkat dalam industri perkapalan, kadar caj baharu bagi kategori ini akan beralih sebanyak RM0.93/meter padu kepada RM8.01 bagi setiap meter padu.



KENYATAAN MEDIA

YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

2.4 Pusat Data – Kategori Baharu

Meskipun pelaburan pusat-pusat data memainkan peranan penting dalam ekosistem penyimpanan, pemprosesan, dan pengurusan data bagi menyokong bidang teknologi maklumat, Kerajaan juga menyedari bahawa pusat-pusat data menggunakan kadar air yang mampu mencecah berjuta liter sehari untuk tujuan penyejukan sistem operasi.

Dengan itu, Kerajaan Negeri menerima keputusan Jemaah Menteri untuk pengenaan kadar sebanyak RM5.31/setiap meter padu penggunaan air oleh pusat-pusat data.

Sejak penyelarasan tarif air yang lalu, pihak Air Selangor telah menunjukkan beberapa prestasi positif seperti berikut.

- **Peningkatan margin rizab air daripada 13.86%** pada Februari 2024 **kepada 16.74%** pada Jun 2025 bagi memastikan Selangor dapat menghadapi perubahan cuaca seperti kemarau.
- Penggantian paip sepanjang 732.65km sejak tahun 2018
- Penurunan kadar air tidak berhasil (NRW) dari 27.7% pada tahun 2024 kepada 27.3% pada Jun 2025.

Kerajaan Negeri berpendirian bahawa pelarasan tarif ini perlu supaya langkah-langkah meningkatkan rizab air kepada 20% menjelang tahun 2030 amat diperlukan.

Tambahan kepada itu, pelarasan ini akan membolehkan pihak Air Selangor untuk mengukuhkan usaha penukaran paip asbestos yang melebihi 40 tahun sepanjang 1,600km di seluruh Selangor pada kadar 300km/setahun bermula tahun ini.



KENYATAAN MEDIA

YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Selain itu, selaras dengan peningkatan penduduk di Selangor, pihak Air Selangor sedang melaksanakan beberapa pembinaan Loji Rawatan Air baharu di Rasau serta Labohan Dagang 2 yang akan menelan kos sebanyak RM7.671 billion (Rasau 1 & 2) serta RM479.52 juta bagi Labohan Dagang 2. Usaha-usaha ini akan menambah kapasiti air terawat sebanyak 2,730 juta liter sehari.

Untuk memberikan tempoh persediaan yang sewajarnya bagi semua pengguna, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju bahawa **kadar ini akan berkuatkuasa mulai 1 September 2025.**

Kerajaan Negeri akan **terus memberikan air percuma kepada lebih 1.3 juta rakyat Selangor** yang meliputi **337,851 akaun penerima** Skim Air Darul Ehsan (SADE) yang akan terus menikmati manfaat air percuma bernilai RM13 sebulan.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri akan **meningkatkan had pendapatan isi rumah penerima SADE daripada RM5,000 sebulan kepada RM6,000 sebulan** agar rakyat yang amat memerlukan dapat dibantu.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan menampung peningkatan caj bekalan air bagi rumah-rumah ibadat dan institusi kebajikan dengan anggaran kos sebanyak RM100,000 setahun.

Kerajaan Negeri akan menanggung kos sebanyak anggaran sehingga RM52.7 juta bagi memastikan usaha untuk mengukuhkan perkhidmatan air tidak meningkatkan kos sara hidup rakyat yang memerlukan.

Bagi warga Selangor yang berpendapatan RM6,000 sebulan dan memerlukan bantuan air percuma, anda boleh melayari laman web <https://www.airselangor.com/residential/skim-air-darul-ehsan/> bagi maklumat lanjut serta kaedah pendaftaran mulai 8hb Ogos untuk menikmati air percuma.

DATO' SERI AMIRUDIN SHARI
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR